

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana kelulusan program *Malaysia My Second Home (MM2H)* yang dilaporkan lambat daripada segi pemprosesan permohonan dan statistik kelulusan MM2H dari 1 Januari 2019 hingga kini dan pecahan mengikut negeri serta berapa yang diterima, diluluskan dan ditolak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia Rumah KeduaKu (*MM2H*) merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia pada Tahun 2002 bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta yang memenuhi syarat untuk tinggal lebih lama dan belanja lebih banyak di Malaysia. Peserta Program MM2H yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial selama 10 tahun berserta dengan "*Multiple Entry Visa*" yang boleh diperbaharui.

Sejak Program MM2H dilancarkan pada tahun 2002 sehingga November 2018, seramai 42,936 permohonan warganegara asing dari 131 buah negara telah diluluskan. Negara China mendahului negara-negara lain dengan 13,301 permohonan diluluskan, diikuti oleh Jepun (4,815), Bangladesh (4,156), United Kingdom (2,708), Korea Selatan (2,446), Iran

**NO. SOALAN : 470**

(1,405), Singapura (1,473), Taiwan (1,406), Hong Kong (1,087), India (1,056) dan lain-lain (9,083).

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 5 September 2018, Kabinet telah memutuskan bahawa berkuatkuasa pada tarikh tersebut, semua permohonan baru hanya akan diluluskan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Susulan keputusan tersebut Jawatankuasa Khas Program MM2H dikekalkan namun namanya dipinda kepada Jawatankuasa Peraku Program MM2H. Tanggungjawab Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk memperaku dan mengesyorkan permohonan baru kepada YB Menteri Dalam Negeri. Oleh yang demikian, tempoh pemprosesan kelulusan permohonan baru MM2H telah dimuktamadkan pada Tahun 2019 oleh Jawatankuasa ini kepada 120 hari bekerja.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada bulan Mac Tahun 2019 Kementerian ini telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas MM2H untuk menangani permohonan tertangguh 2018 dan kini telah selesai memproses permohonan tertangguh 2018 sejumlah 3,879 pada bulan Mei 2019. Kelulusan sebanyak 50 peratus telah diperolehi. Kementerian kini dalam usaha menyelesaikan permohonan 2019 sehingga Mac berjumlah 1,520.

Minat terhadap Program Malaysia Rumah KeduaKu masih tinggi dimana permohonan yang diterima pada Tahun 2018 adalah sebanyak 6,276 berbanding tahun 2017 sebanyak 6,249 dan 3,442 dalam Tahun 2016.

Sekian, terima kasih.